JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

BILANGAN TAWARAN	TAJUK TAWARAN	YURAN TAWARAN
Q.JDT/45/2022	SEBUTHARGA BAGI PEMBEKALAN *VENDING MACHINE* SELAMA 36 BULAN	$5.00

SYARAT-SYARAT TAWARAN:

KRITERIA PEMBORONG

- Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

YURAN TAWARAN

- Yuran tawaran adalah sebanyak B$5.00 sahaja. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan *(non-refundable)*. Walau bagaimanapun, yuran akan dikembalikan jika: (i) tawaran dibatalkan oleh Kementerian/Jabatan; dan/atau (ii)penender mengembalikan dokumen tawaran yang belum diisikan sebelum tarikh tutup tawaran.

TEMPAT MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN

- Dokumen-dokumen terperinci tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi setelah bayaran **Yuran Tawaran dibuat di Unit Kewangan dan Stor, Tingkat 2, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tutong TA1141, Brunei Darussalam** pada setiap hari bekerja sahaja iaitu:

ISNIN HINGGA KHAMIS	**8.00 Pagi hingga 12 Tengah Hari** dan **1.30 Petang hingga 3.00 Petang**
SABTU	**8.00 Pagi hingga 10.30 Pagi**

TARIKH TUTUP MENGHADAPKAN TAWARAN

- Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat pada pada **Hari Isnin, 12 Disember 2022 jam 2.00 petang.**

- Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

TATACARA MENGHADAPKAN TAWARAN

- Tawaran mestilah dihantar dengan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan lampiran-lampiran yang diperlukan dalam **LAMPIRAN A** dengan **LENGKAP** DAN **TERATUR.**

- Tawaran hendaklah dihadapkan menggunakan sampul surat biasa yang **dimeterai dan ditutup rapi (sealed) berserta dengan salinan resit yuran tawaran serta ditulis bilangan, tajuk tawaran, dan tarikh tutup tawaran di bahagian atas sebelah kiri sampul surat** tanpa menunjukkan identiti pemborong kepada:

PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUTHARGA
JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
TUTONG TA1141
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- Tawaran hendaklah dimasukkan ke **Peti Sebutharga, Tingkat 4, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.**

SYARAT-SYARAT LAIN

- Pemborong hendaklah terlebih dahulu untuk membaca, memahami dan meneliti semua isi kandungan di dalam Dokumen Tawaran ini.

- Pemborong hendaklah memastikan jumlah yang dinyatakan adalah tepat dan sebarang kesilapan dan kerugian disebabkan salah tafsir harga tidak akan dilayan selepas tawaran telah dibuka.

- Pemborong hendaklah memastikan jumlah yang dinyatakan di dalam Borang Spesifikasi Tawaran adalah selaras dengan jumlah yang dinyatakan di Borang Pengakuan Syarikat.

- Pemborong hendaklah memastikan jumlah dalam perkataan adalah sama dengan harga tawaran dalam angka. **Jika tidak sama, tawaran dianggap tidak sah.**

- Pemborong hendaklah mengambil maklum bahawa sekiranya pemborong yang berjaya mendapat tawaran mempunyai hutang dengan Kerajaan, maka pemborong berkenaan hendaklah bersetuju bagi hutang-hutang berkenaan dibayar kepada Kerajaan melalui potongan bayaran perkhidmatan atau perbekalan yang ditawarkan.

- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.